

**MCA Buat Laporan Polis Desak Kaji Semula Siasatan Kes Rogol, Bunuh Eksekutif Pemasaran
Bernama
26 Jun, 2013**

SUNGAI PETANI, 26 Jun (Bernama) -- Pemuda MCA Kedah Rabu membuat laporan polis supaya siasatan kes rogol dan bunuh seorang eksekutif pemasaran tujuh tahun lepas dikaji semula.

Ketuanya Ng Soon Foo membuat laporan itu di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda di sini susulan keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar semalam membebaskan jurujual kereta, Shahril Jaafar, 32, dari tuduhan membunuh Chee Gaip Yap, 25, di kawasan Kelab Cinta Sayang di sini pada 2006.

Mahkamah Tinggi Alor Setar membebaskan Shahril Jaafar setelah mendapati tiada kes prima facie dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh.

Ng berkata pergerakan itu tidak mempersoal keputusan mahkamah dan hanya hanya mahu polis mengkaji semula siasatan kematian wanita itu dari sudut lain yang mungkin terlepas pandang.

"Kami juga yakin masih ada ruang untuk polis menyiasat kes tersebut dari sudut lain bagi membawa pembunuh ke muka pengadilan dan menerima hukuman setimpal," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959117>